

ANM(T)81/10/6/10(29)

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Ketua Polis Negara Bahagian Kewangan

Pengarah Jabatanarah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT)

Semua Ketua Akauntan / Akauntan Kanan Mengakaun Sendiri

Semua Pengarah Cawangan / Kawasan Jabatan Akauntan Negara

Semua Pusat Gaji

Y.B. Tan Sri/Y.B. Dato'/Tuan/Puan,

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

BIL. 4 TAHUN 1995

PERATURAN PEMBAYARAN IMBUHAN BAGI TAHUN 1995 KEPADA

PEGAWAI SEKTOR AWAM

1. TUJUAN

1.1. Tujuan surat Pekeliling ini adalah untuk menetapkan peraturan pembayaran imbuhan bagi tahun 1995 kepada pegawai sektor awam yang akan dilaksanakan sebelum hujung tahun 1995, seperti yang telah diumumkan oleh Y.B. Menteri Kewangan.

1.2. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersamaan dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 1995.

2. KADAR PEMBAYARAN IMBUHAN BAGI TAHUN 1995

2.1. Kadar pembayaran imbuhan bagi tahun 1995 telah ditetapkan sebanyak satu (1) bulan gaji tertakluk kepada had minimum dari RM600.00 atau secara 'proportionate'.

3. ASAS PERKIRAAN IMBUHAN

3.1. Kadar imbuhan yang perlu dibayar hendaklah dikira berasaskan kepada gaji pokok yang telah dibayar bagi bulan Oktober 1995 kecuali pegawai yang tidak lagi berkhidmat pada bulan Oktober 1995, perkiraan adalah berdasarkan kepada gaji pokok terakhir.

3.2. Hanya pelarasan kenaikan gaji tahunan dan pelarasan yang sepatutnya telah dilakukan sebelum atau didalam bulan Oktober 1995 sahaja boleh diambilkira bagi mendapatkan gaji pokok bulan Oktober 1995.

Segala pelarasan atau perubahan kepada gaji pokok yang lain yang bermula atau yang diambilkira dari bulan November 1995 tidak boleh ditambah kepada gaji pokok bulan Oktober 1995 untuk perkiraan imbuhan ini.

4. PERINGATAN

4.1. Imbuhan ini boleh dibayar mulai November 1995. Dalam membuat pembayaran ini, peraturan-peraturan berikut telah dipersetujui oleh pihak-pihak yang terlibat :-

4.1.1. Cukai Pendapatan

4.1.1.1. *Cukai pendapatan tidak perlu dipotong dari amaun imbuhan yang hendak dibayar, tetapi imbuhan tersebut hendaklah diambilkira dalam Penyata Pendapatan Tahunan.*

4.1.2. Potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

4.1.2.1. *Dibawah tafsiran 'upah' dalam seksyen 2. Akta KWSP 1991, imbuhan 1995 ini tidak dikecualikan dari caruman KWSP. Potongan caruman pekerja dan bayaran caruman majikan perlu dibuat sewajarnya.*

4.1.3. Penyata Perubahan (Kew.8)

4.1.3.1. *Penyata Perubahan tersebut tidak perlu disediakan untuk pembayaran imbuhan ini.*

4.1.4. Dokumen Sokongan Untuk Baucer Berasingan

4.1.4.1. *Oleh kerana Kew.8 tidak diperlukan maka semasa mengemukakan baucer berasingan untuk pembayaran imbuhan ini dokumen berikut boleh diterima sebagai dokumen sokongan :-*

a. Salinan Laporan Gaji bulan Oktober 1995, atau

b. Salinan Lembaran Gaji (pay slip) bulan Oktober 1995, atau

c. Salinan Lembaran Gaji Manual bulan Oktober 1995, atau

d. Catatan perkiraan imbuhan samada disediakan atas kertas berasingan atau ditaip di belakang baucer.

4.1.5. Kod Urusniaga Imbuhan

4.1.5.1. *Kod-kod Urusniaga Imbuhan yang perlu digunakan adalah seperti berikut :*

KOD SODO	KOD ELAUN
15103	- 0028 - Imbuhan Tahunan Kakitangan Awam
15105	- 0034 - Pemberian Khas Kakitangan Awam

15204	-	0029 -	Imbuhan Tahunan Pasukan Keselamatan
15205	-	0035 -	Pemberian Khas Pasukan Keselamatan
15305	-	0036 -	Pemberian Khas Anggota Pentadbiran Dan Parlimen
29304	-	0030 -	Imbuhan Tahunan Kepada Pekerja Sementara Dan Sambilan Yang Tidak Menyandang Jawatan Tetap

4.2. Perenggan 16 Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 1995 menetapkan bahawa pembayaran keseluruhan Imbuhan Tahunan adalah menjadi tanggungan Jabatan / Agensi dimana pegawai ditempatkan pada 31 Oktober 1995. Walaubagaimanapun untuk pegawai dan kakitangan Jabatan Persekutuan dimana gaji dibayar oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia / Jabatan Mengakaun Sendiri dan gaji mereka masih dibayar oleh pejabat lama untuk gaji bulan Disember 1995, maka imbuhan tahunan akan dimasukkan ke dalam gaji di pejabat lama tersebut. Tetapi sekiranya imbuhan ini tertinggal dari gaji yang disediakan oleh pejabat lama, maka pejabat baru hendaklah menyediakan imbuhan tahunan secara baucer berasingan.

4.3. Imbuhan tahunan pegawai yang meninggal dunia atau bersara akan dibayar oleh pejabat tempat terakhir mereka berkhidmat dan bukan dibayar oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, Bahagian Pencen.

5. PERUNTUKAN UNTUK MEMBAYAR IMBUHAN

5.1. Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan hendaklah membayar imbuhan ini daripada peruntukan Belanja Mengurus 1995 yang sedia ada. Sekiranya peruntukan ini tidak mencukupi permohonan peruntukan tambahan hendaklah dibuat kepada Perbendaharaan.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

(MOHAMED ADNAN BIN ALI)

Akauntan Negara Malaysia

18 November 1995

s.k.

Ketua Audit Negara

Semua Pegawai Kewangan Negeri

Semua Akauntan / Bendahari Negeri

Semua Pengurus Badan-badan Berkanun Persekutuan / Negeri

Semua Pengurus Pihak Berkuasa Tempatan

Ketua Pengarah, Jabatan Hasil Dalam Negeri

Pengurus Besar KWSP

4.3.1.1. itersebut, dimana potongan tidak dapat dikredit ke akaun yang betul dan baki akaun tidak dapat dikemaskini. Amalan ini juga akan menimbulkan kelewatan semasa penyediaan kertas pencen kakitangan awam yang berkeelayakan. Untuk mengatasi masalah ini semua Borang Perubahan Gaji Kew.320 (SG 20) yang tidak disokong tidak akan diproses oleh Pejabat Pembayar.

4. PENUTUP

5.1. Semua pihak yang menguruskan gaji adalah dikehendaki mematuhi jadual dalam pekeliling ini supaya tarikh pembayaran gaji dapat diseragamkan.

5.2. Peraturan-peraturan yang digariskan juga perlu dipatuhi bagi mengelakkan masalah kepada semua yang terlibat terutama kepada kakitangan yang diberi khidmat.

Sekian terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

(MOHAMED ADNAN BIN ALI)

Akauntan Negara Malaysia

9 November 1995

Salinan

Ketua Audit Negara

Semua Pegawai Kewangan Negeri

Semua Akauntan/Bendahari Negeri

Semua Pengurus Badan Berkanun

Semua Pengurus Pihak Berkuasa Tempatan

Gaji 1995/ks

LAMPIRAN 'A'

JADUAL PEMBAYARAN GAJI BULANAN BAGI TAHUN 1996

MENGIKUT AP 105 DAN SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA BIL. 4/1971

UNTUK NEGERI-NEGERI DIMANA HARI KELEPASAN MINGGUAN IALAH HARI AHAD

TAHUN	TARIKH BAYARAN GAJI				
	BANK		TUNAI/CEK		CATATAN
1996	TARIKH	HARI	TARIKH	HARI	
BULAN	TARIKH	HARI	TARIKH	HARI	
JANUARI	29/1/96	ISNIN	31/1/96	RABU	Tahun Baru Cina 19 & 20/2/96 Hari Raya AidilFitri 20 & 21/2/96
FEBRUARI	10/2/96	SABTU	12/2/96	ISNIN	Hari kerja Terakhir Sabtu 30/3/96
MAC	26/3/96	SELASA	28/3/96	KHAMIS	Hari Raya Qurban 28/4/96

					Hari Keputeraan Sultan Perak 19/4/96
APRIL	18/4/96	SELASA	28/3/96	KHAMIS	Hari Raya Qurban 28/4/96 Hari Keputeraan Sultan Perak 19/4/96
MEI	22/5/96	RABU	24/5/96	JUMAAT	Hari Wesak 31/5/96 Pesta Menuai 30 & 31/5/96 Hari Dayak 1 & 2/6/96
JUN	25/6/96	SELASA	27/6/96	KHAMIS	Hari Kerja Terakhir Sabtu 29/6/96
JULAI	29/7/96	ISNIN	31/7/96	RABU	
OGOS	27/8/96	SELASA	29/8/96	KHAMIS	Hari Kebangsaan 31/8/96 Hari Kerja Terakhir Jumaat 30/8/96
SEPTEMBER	28/9/96	SABTU	30/9/96	ISNIN	
OKTOBER	29/10/96	SELASA	31/10/96	KHAMIS	
NOVEMBER	26/11/96	SELASA	28/11/96	KHAMIS	Hari Kerja Terakhir Sabtu 30/11/96
DISEMBER	16/12/96	ISNIN	18/12/96	RABU	Hari Krismas 25/12/96

LAMPIRAN 'B'

JADUAL PEMBAYARAN GAJI BULANAN BAGI TAHUN 1996

MENGIKUT AP 105 DAN SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA BIL. 4/1971

UNTUK NEGERI-NEGERI DIMANA HARI KELEPASAN MINGGUAN IALAH HARI JUMAAT

TAHUN	TARIKH BAYARAN GAJI				
1996	BANK		TUNAI/CEK		CATATAN
BULAN	TARIKH	HARI	TARIKH	HARI	
JANUARI	29/1/96	ISNIN	30/1/96	SELASA	
FEBRUARI	10/2/96	SABTU	12/2/96	ISNIN	Tahun Baru Cina 19 & 20/2/96 Hari Raya Aidilfitri 20 & 21/2/96
MAC	25/3/96	ISNIN	26/3/96	SELASA	Hari Keputeraan Sultan Kelantan 30 & 31/3/96 Hari Kerja Terakhir 28/3/96
APRIL	18/4/96	KHAMIS	22/4/96	ISNIN	Hari Raya Qurban 28/4/96
MEI	22/5/96	RABU	25/5/96	SABTU	Hari Wesak 31/5/96 Pesta Menuai 30 & 31/5/96 Hari Dayak 1 & 2/6/96
JUN	27/6/96	KHAMIS	29/6/96	SABTU	
JULAI	27/7/96	SABTU	30/7/96	SELASA	
OGOS	26/8/96	ISNIN	27/8/96	SELASA	Hari Kebangsaan 31/8/96 Hari Kerja Terakhir Sabtu 30/8/96
SEPTEMBER	28/9/96	SABTU	30/9/96	ISNIN	
OKTOBER	28/10/96	ISNIN	29/10/96	SELASA	Hari Kerja Terakhir Khamis 31/10/96
NOVEMBER	28/11/96	KHAMIS	30/11/96	SABTU	

DISEMBER	16/12/96	ISNIN	18/12/96	RABU	Hari Krismas 25/12/96
----------	----------	-------	----------	------	-----------------------